



**POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Pauh Putra
02600 Arau
PERLIS, MALAYSIA



Tel : 04-9886200
Faks : 04-9886300
Laman Web : www.ptss.edu.my
Facebook: [politeknik.edu](https://www.facebook.com/politeknik.edu)

Ruj. Kami: PTSS/HEP/01/06/201Jld 5(42)

Tarikh : 1 Jun 2015

Kepada,

SEMUA PELAJAR BARU (SESI JUN 2015)
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN, PERLIS

Tuan,

PENDAFTARAN PELAJAR BARU SESI JUN 2015

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Terlebih dahulu pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS) ingin mengucapkan "TAHNIAH" dan "SELAMAT DATANG" kepada semua pelajar baru Sesi Jun 2015.

3. Untuk makluman tuan, pendaftaran / lapor diri pelajar baru PTSS akan diadakan pada butiran seperti berikut:

Semua pelajar Diploma dan Sijil Khas Politeknik:

Tarikh : 14 Jun 2015 (Ahad)
Masa : 8.00pagi – 10.30 pagi
Tempat : Asrama PTSS.

Pelajar Program Pra-Diploma:

Tarikh : 22 Jun 2015 (Isnin)
Masa : 8.00 pagi.
Tempat : Pejabat Hal Ehwal Pelajar, PTSS.

4. Sehubungan dengan itu, segala maklumat berkaitan pendaftaran seperti panduan pendaftaran on-line, jumlah dan kaedah bayaran yuran, borang-borang, panduan dan peraturan serta lain-lain maklumat am boleh di muat turun dari laman web rasmi PTSS di capaian <http://www.ptss.edu.my> mulai **2hb Jun 2015**.

5. Sukacita juga dimaklumkan, semua pelajar baru ditawarkan asrama. Walau bagaimana pun, pelajar diingatkan sentiasa mematuhi semua peraturan yang ada di PTSS dan juga peraturan di asrama sepanjang masa. Ini bagi memastikan kemudahan asrama tidak ditarik balik.

6. Tuan juga dinasihatkan untuk membuat permohonan pinjaman pendidikan PTPTN (jika berminat) terlebih dahulu secara on-line sebelum hadir ke PTSS.

Akhir kata, pihak PTSS mengucapkan “SELAMAT DATANG” kepada semua pelajar baru PTSS Sesi Jun 2015.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t

MOHD RUSLAN BIN SALIKIN
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar,
b.p Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis

- s.k - Tim. Pengarah (Akademik) PTSS
- Tim. Pengarah (Sokongan Akademik) PTSS
- Pengerusi KOOP PTSS
- Ketua Unit LPL
- Peg. Eksekutif Tertinggi PTSS

**PANDUAN MENDAFTAR BAGI PELAJAR BARU
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN, PERLIS
SESI JUN 2015**

SEMAKAN KEPUTUSAN TAWARAN

Di <http://www.politeknik.edu.my>



**CETAK SURAT TAWARAN KE POLITEKNIK DAN
BORANG JAWAPAN TAWARAN (BJT)**



HANTARKAN DENGAN DOKUMEN BERIKUT KE PTSS

Surat Tawaran / Borang BJT /Salinan dokumen yang dinyatakan dalam BJT (perlu disahkan)



**MUATURUN MAKLUMAT PENDAFTARAN
PELAJAR BARU SESI JUN 2015**

Di <http://www.ptss.edu.my>



BAYAR YURAN DI BANK ISLAM (BIMB)

Yuran Pengajian

Yuran Asrama

Bayaran Pelbagai/Pendaftaran



DAFTAR SECARA ON-LINE

Selepas 24 jam bayaran dilakukan anda boleh mendaftar secara online dalam sistem SPMP di smpm.ptss.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp
*Sistem pendaftaran online akan dibuka bermula 2/6/2015 hingga 14/6/2015




**CETAK SLIP PENGESAHAN SELEPAS
DAFTAR ONLINE**



HADIR KE PTSS UNTUK LAPORDIRI


Pelajar baru wajib hadir mendaftar pada 14 Jun 2015 (8.30 pg – 10.30 pg)
Bawa bersama Slip Pendaftaran Online, Slip bayaran yuran-yuran berkaitan, Borang HEP1-6 dan dokumen asal serta lengkapkan borang-borang seperti yang dilampirkan dalam Buku Panduan Pendaftaran.

**PANDUAN LALULINTAS SEMASA PENDAFTARAN
PELAJAR BARU - SESI JUN 2015**
Tarikh Daftar: 14/06/2015
Masa: 8.00pg – 10.30pg



Dari Leburaya Kuala Perlis / Changloon

CARTA ALIR PENDAFTARAN ASRAMA PELAJAR BARU SESI JUN 2015



Bagi melancarkan proses pendaftaran asrama, **hanya calon pelajar** dibenarkan berada di kaunter pendaftaran asrama.